

Sempena genap setahun Kerajaan Perpaduan

# Ketokohan Anwar beri harapan besar

PM berjaya  
bukti kerajaan  
pimpinan  
kekal teguh, stabil

Oleh Farah Marshita  
Abdul Patah dan Zanariah  
Abd Mutalib  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Ketokohan Datuk Seri Anwar Ibrahim menerajui Kerajaan Persekutuan memberikan harapan besar kepada rakyat bahawa negara berada di landasan yang tepat ke arah pemulihan ekonomi dan kestabilan politik.

Perdana Menteri memegang tampuk kuasa pemerintahan ketika politik negara bergolak dan berdepan ketidaktentuan susulan keputusan Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15), di mana buat pertama kalinya tiada parti yang mendapat jumlah kerusi majoriti untuk membentuk kerajaan.

Penganalisis Politik Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Profesor Madya Dr Mazlan Ali, berkata walaupun berdepan ketidaktentuan pasca PRU15, Perdana Menteri berjaya mengukuhkan hubungan parti politik untuk bersama-sama membentuk Kerajaan Perpaduan.

"Saya boleh katakan perjalanan Kerajaan Perpaduan ini selama setahun ini adalah baik, dan ia memberikan satu harapan besar, iaitu ke arah pemulihan ekonomi negara dan kestabilan politik.

"Prestasi Perdana Menteri dilihat luar biasa, selain dilihat sangat kuat bekerja," katanya kepada BH.

Mazlan berkata, antara pencapaian adalah membawa Malaysia ke arah hala tuju ekonomi yang jelas, menarik komitmen pelaburan asing dan mempromosi Malaysia pada peringkat antarabangsa.

Bagaimanapun, Mazlan berpendapat ada beberapa perkara yang perlu diperbaiki, terutama dari aspek kawalan harga barang dan memastikan kos hidup rakyat berada pada paras yang sesuai serta wujudkan banyak peluang pekerjaan.

Pensyarah Kanan, Jabatan Sains Politik, Pentadbiran Awam dan Pembangunan, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Malaya (UM), Dr Muhammad Asri Mohd Ali, berkata ketika ramai

yang mempersoalkan kestabilan politik pasca PRU15, Anwar berjaya membuktikan kerajaan pimpinannya kekal teguh, walaupun bergabung dengan parti musuh sebelum ini.

"Selepas setahun, fakta menunjukkan dengan jelas bahawa kerajaan kekal stabil. Pada saya, ini kejayaan yang cukup bermakna pada Anwar, selain usaha membanteras rasuah," katanya.

Muhammad Asri berpendapat, Anwar harus memberi tumpuan kepada meningkatkan pendapatan perkapita negara, termasuk dengan memberi tumpuan memajukan perindustrian mikro, kecil dan sederhana (PMKS), menyemak gaji penjawat awam dan perkenal Dasar Gaji Progresif," katanya.

## Ketidaktentuan ekonomi

Pensyarah Sains Politik Universiti Sains Malaysia (USM), Dr Zaharul Abdullah, berkata kerajaan perpaduan menunjukkan prestasi yang baik dalam mengemudi negara mengharungi ketidaktentuan ekonomi dan politik global.

Katanya, Anwar bukan hanya mewakili dan menyampaikan suara serta aspirasi negara, tetapi juga negara membangun lain dengan memanfaatkan platform seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pemimpin Ekonomi Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) dan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

Zaharul berkata, kerajaan pimpinan Anwar juga menguruskan isu pertikaian persempadanan dan isu tuntutan pampasan dengan amat baik.

Katanya, dalam isu pertikaian persempadanan dengan Indonesia, kerajaan berjaya memeterai perjanjian dengan Indonesia membabitkan Selat Melaka dan Laut Sulawesi selepas rundingan selama 18 tahun.

Pensyarah ekonomi di Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin, berkata kerajaan berjaya memperbaiki momentum pertumbuhan ekonomi serta prospek pelaburan negara, selain menurunkan kadar inflasi dan pengangguran.

Bagaimanapun, katanya, data makro itu tidak memberikan makna yang signifikan kepada rakyat kerana mereka tidak merasa limpahan kesan daripada data itu dan nilai pelaburan yang dinyatakan.

Sebagai contoh, katanya, kos sara hidup masih meningkat,

"Prestasi Perdana Menteri dilihat luar biasa, selain dilihat sangat kuat bekerja"

Mazlan Ali,  
Penganalisis  
politik UTM



"Kestabilan politik masih menjadi cabaran untuk kerajaan semasa walaupun sudah mempunyai majoriti dua pertiga di Parlimen"

Teo Kok Seong,  
Felo Kanan  
MPN



pendapatan rakyat tidak meningkat, pekerjaan berpendapatan tinggi masih belum dicipta, pemain PMKS masih belum dapat meningkatkan keuntungan, kesenjangan agihan pendapatan masih melebar, sistem perlindungan sosial masih rapuh dan isu keterjaminan makanan masih belum dapat ditangani dengan baik.

## Pencapaian sederhana

Bagi Felo Kanan Majlis Profesor Negara (MPN), Prof Emeritus Datuk Dr Teo Kok Seong, beliau menyifatkan pencapaian Kerajaan Perpaduan adalah sederhana, tidak seperti yang diharapkan rakyat.

Kok Seong berkata, kestabilan politik masih menjadi cabaran untuk kerajaan semasa walaupun sudah mempunyai majoriti dua pertiga di Parlimen.

"Akibatnya, tumpuan terhadap hal ehwal kenegaraan turut terjejas," katanya.

Kok Seong turut menggesa Kerajaan Perpaduan melaksanakan usaha mempertingkatkan hubungan antara kaum.